

MAHATHIR - JAMUAN

(1)

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 3 PAGI WAKTU MALAYSIA, KHAMIS
12 MEI)

DARI HASHIM MAKARUDDIN

(1983)

BELGRADE, 11 MEI (BERNAMA)--PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP PERSIDANGAN UNCTAD YANG AKAN DATANG DI BELGRADE AKAN MEMBERI PERHATIAN KEPADA KESULITAN NEGARA-NEGARA PENGEKSPORT BARANGAN.

IA HENDAKLAH JUGA MENYOKONG LANGKAH UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH PERSATUAN NEGARA PENGELUAR UNTUK MENDAPATKAN HARGA YANG LEBIH BAIK BAGI BARANGAN EKSPORT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA AMALAN LAMA PERDAGANGAN MELALUI PASARAN BARANGAN YANG DIKAWAL OLEH PENGGUNA SECARA EKSLUSIF SEHARUSNYA DIGANTIKAN DENGAN SATU SISTEM PASARAN YANG BARU YANG LEBIH ADIL KEPADA PARA PENGELUAR DI SAMPING MELINDUNGI PENGGUNA.

PERDANA MENTERI YANG SEDANG DALAM LAWATAN RASMI TIGA HARI KE YUGOSLAVIA MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM BAGI MERAIKANNYA YANG DIBERIKAN OLEH PERDANA MENTERI YUGOSLAVIA, PUAN MILKA PLANINC.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA PERSIDANGAN UNCTAD YANG KEENAM YANG DIJADUAL PADA JUN ITU DIADAKAN PADA MASA MASYARAKAT ANTARABANGSA TERUS MENGELAMAI KEMELESETAN. --LAGI 1810/MD

MAHATHIR-JAMUAN 2 BELGRADE (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGI NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN KEADAAN MENJADI LEBIH BURUK LAGI OLEH SEBAB LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN YANG DIAMBIL OLEH NEGARA-NEGARA MAJU.

KATANYA, PERSIDANGAN KEMUNCIAK PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI DI NEW DELHI BARU-BARU INI TELAH MENYERU NEGARA-NEGARA MAJU MENGHAPUSKAN DASAR PERLINDUNGAN SERTA LANGKAH-LANGKAH YANG BERCORAK MENGONGKONG DAN DISKRIMINASI TERHADAP BARANGAN EKSPORT DARI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

SIDANG KEMUNCIAK ITU JUGA, TAMBAH BELIAU, MEMPERAKUKAN LANGKAH-LANGKAH KE ARAH MEWUJUDKAN SUATU SISTEM YANG LEBIH SAKSAMA DAN LENGKAP BAGI PERDAGANGAN ANTARABANGSA UNTUK NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

+KAMI BERHARAP PERSIDANGAN KEENAM UNCTAD DI BELGRADE AKAN MENGAMBIL PERHATIAN DAN MENYOKONG PENDIRIAN SIDANG KEMUNCIAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI ITU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH TENTANG PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI YANG YUGOSLAVIA MENJADI SALAH SEBUAH NEGARA PENGASASNYA, KAMPUCHEA, PALESTIN, PERANG IRAN-IRAQ, TUMPAHAN MINYAK DI KAWASAN TELUK DAN ANTARTIKA. --LAGI 1815/MD

ZCZC B647
MAHATHIR-JAMUAN 3 BELGRADE (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI AKAN TERUS BERKEMBANG DAN MEMAINKAN PERANANNYA BAGI KEPENTINGAN KEAMANAN DUNIA DAN KEBEBASAN NEGARA-NEGARA KECIL DI DUNIA.

BELIAU BERKATA SUNGGUHPUN PERGERAKAN ITU MERUPAKAN SEBUAH FORUM YANG DAIK UNTUK MENGENALI ANTARA SATU SAMA LAIN DAN MENGEMUKAKAN PADANGAN MASING-MASING SECARA UMUM, HUBUNGAN DUA HALA MASIH LAGI PENTING BAGI MELAKSANAKAN SETENGAH-SETENGAH DARIPADA PENDAPAT YANG DISUARAKAN DALAM PERGERAKAN ITU.

KERANA INILAH, UJAR BELIAU, LAWATAN DAN RUNDINGAN DUA HALA HENDAKLAH DIADAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR GEMBIRA KERANA SEJAK PENUBUHAN HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA KEDUA-DUA NEGARA ITU PADA 1967, MALAYSIA DAN YUGOSLAVIA MEMPUNYAI KERJASAMA YANG BERMAKNA DALAM KONTEKS PERGERAKAN BERKECUALI.

BELIAU BERKATA, SEBAGAIMANA JUGA YUGOSLAVIA, MALAYSIA SENTIASA MENGIKUTI DASAR YANG TETAP UNTUK MEWUJUDKAN HUBUNGAN PERSAHABATAN DENGAN SEMUA NEGARA TANPA MENGIRA SISTEM KERAJAAN MASING-MASING. --
--LAGI 1825/MD

ZCZC B648:
MAHATHIR-JAMUAN 4 BELGRADE (EMBARGO)

KATANYA, HUBUNGAN ITU ADALAH BERASASKAN KEPADA PRINSIP MENGHORMATI KEMERDEKAAN, KEDAULATAN DAN KEUTUHAN SESEBUAH NEGARA, TIDAK CAMPUR-TANGAN DALAM HAL EH WAL DALAM NEGERI LAIN DAN PENYELESAIAN YANG AMAN BAGI SEBARANG PERTELINGKAHAN.

MENGENAI KAMPUCHEA, PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEKALI LAGI PENDIRIAN MALAYSIA YANG ISU ITU MESTILAH DISELESAIKAN SECARA AMAN DAN SEGERA SELARAS DENGAN PERISYTIHARAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI KAMPUCHEA DAN KETETAPAN-KETETAPAN LAIN OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU.

MENGENAI PALESTIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MASIH TETAP PERCAYA BAHAWA TIDAK AKAN ADA PENYELESAIAN KEPADA MASALAH ASIA BARAT SELAGI POKOK KRISIS ITU, IAITU SOAL PALESTIN, TIDAK DISELESAIKAN.

TENTANG PERANG IRAN-IRAQ, PERDANA MENTERI MENYERU SUPAYA USAHA-USAHA MENDAMAIKAN MEREKA OLEH PERGERAKAN BERKECUALI DIPERGIATKAN SEMULA. USAHA YANG LEBIH KUAT HENDAKLAH DIBUAT UNTUK MENCAPAI KEAMANAN MEMANDANGKAN KEGAGALAN USAHA-USAHA SEBELUM INI.

MENYENTUH MASALAH TUMPAHAN MINYAK DI TELUK, BELIAU MENGGESA MASYARAKAT ANTARABANGSA SUPAYA MENGELAKKANNYA DARIPADA MENJADI ANCAMAN TERHADAP ALAM SEKITAR DUNIA.

-- LAGI 1810/LK

MAHATHIR-JAMUAN 5 BELGRADE (EMBARGO)

TUMPUHAN MINYAK IRAN KE DALAM LAUT, JIKA DIBIARKAN, AKAN SEGERA MEREBAK KE LUAR KAWASAN TELUK LALU KE LAUT-LAUT YANG BERDEKATAN DAN MEROSAKKAN KEADAAN LAUT DAN EKOLOGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA ITU ISU TUMPAHAN MINYAK ITU TELAH MELAMPAUI PERANG IRAN-IRAQ DAN SEHARUSNYA DIAMBIL PERHATIAN OLEH SELURUH MASYARAKAT ANTARABANGSA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN SOKONGAN KEPADA PERHATIAN YUGOSLAVIA TENTANG PENINGKATAN KEKUATAN SENJATA DI EROPAH DAN KEPADA USAHA-USAHA KUMPULAN NEGARA BERKECUALI DI EROPAH UNTUK MEMPASTIKAN MESYUARAT PERSIDANGAN MENGENAI KESELAMATAN DAN KERJASAMA DI EROPAH MENCAPAI KEPUTUSAN YANG BERHASIL.

BELIAU JUGA MENYOKONG USAHA-USAHA YUGOSLAVIA UNTUK MENJADIKAN KAWASAN MEDITERRANEAN SEBAGAI KAWASAN AMAN DAN KERJASAMA.

--- BERNAMA 1813/LK